

**HUBUNGAN PELAJAR YANG MENJAWAT JAWATAN TERTINGGI
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

SERI NIAN BINTI AKMAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

NOVEMBER 2007

Istimewa buat bonda tersayang : Faridah Abdul Samad.

Yang dikasihi adik-adikku : Mohd Mustaqim dan Mohd Suffian

Tidak ketinggalan rakan-rakan seperjuangan : MBV sesi 2006/2007

Jutaan terima di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillahlah segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan yang Maha Berkuasa lagi Maha Mengasihani serta selawat dan salam buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Di atas keizinan serta keizinan serta hidayah daripada Ilahi telah memberikan kemudahan kepada saya untuk menyiapkan penulisan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia projek, Prof Madya Mahmud Amir Bin Radzali di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan komitmen yang telah diberikan. Tanpa bimbingan daripada beliau, kajian ini tidak mungkin akan berjaya.

Penghargaan yang tidak terhingga juga buat semua responden yang telah memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam menjayakan kajian ini. Segala jasa dan perhatian daripada kalian akan sentiasa dikenang dan jutaan terima kasih diucapkan.

Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada ibu dan rakan-rakan seperjuangan. Tidak lupa juga merakamkan penghargaan ini kepada Dr. Baharom Bin Mohamad, Tn. Hj. Zulkifli Bin Senin, Mohd Safiee Bin Idris, Dr Sulaiman dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas dorongan, teguran, tunjuk ajar dan nasihat di dalam menyiapkan kajian ini.

Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua, Insyaa-Allah.

ABSTRAK

Rata-rata ramai pelajar yang menganggap bahawa menyertai aktiviti kolej seperti menjadi pemimpin jawatankuasa tertinggi dalam sesebuah kelab/persatuan adalah penyumbang utama kepada kemerosotan prestasi akademik pelajar kerana menyebabkan pelajar mengabaikan pelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mendorong pelajar melibatkan diri dalam kelab/persatuan dan hubungan komitmen pelajar terhadap kelab dengan pencapaian akademik mereka juga perbezaan pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dengan pelajar yang tidak menjawat jawatan tertinggi. Reka bentuk bagi kajian ini adalah deskriptif jenis tinjauan. Seramai 504 bilangan responden yang terdiri seramai 86 orang pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dan seramai 418 orang pelajar yang menjawat jawatan tertinggi. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan kaedah *crosstab*, kolerasi pearson, ujian-t tidak bersandar dan purata skor. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor minat merupakan faktor utama pelajar menyertai persatuan/kelab. Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian pelajar yang menjawat dan pelajar yang tidak menjawat jawatan tertinggi. Dapatan juga menunjukkan pencapaian akademik pelajar adalah lebih baik apabila mereka meletakkan komitmen yang tinggi terhadap aktiviti berbanding daripada pelajar yang meletakkan komitmen sederhana dan rendah terhadap kelab. Dapatan juga menunjukkan pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dalam Jawatankuasa Kolej Kediaman mempunyai peratusan pelajar yang paling ramai berada pada pencapaian akademik yang cemerlang dan baik. Manakala bagi analisis kolerasi pearson pula mendapati wujudnya hubungan positif yang sangat lemah iaitu pada kadar 0.015 bagi aras keertian 0.01 di antara item komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dan pelajar yang tidak menjawat jawatan tertinggi dalam kelab. Pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kegiatan kelab/persatuan tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

ABSTRACT

Most student think that joining college activities such as becoming one of the high committee members of any particular organizations or clubs will affect their study. The purpose of this study are to identify the main factor of students involvement in organization/club, the correlation of student commitment towards club activities with their academic performances, and to determine the different of academic performance between executive students and non-executive students. The research design used was descriptive survey. The samples consist of 504 students, where 86 are executive students and 418 are non-executive students. Questionnaires were used as instruments. Data were analyzed using crosstab, pearson correlation, independent t-test, percentage and score means. The result shows that interest is the main factor of why most students get involved in club/organization. Pearson correlation analyzed shows that there is very weak positive correlation at the rate of 0.015 at 0.01 level of significance for executive student and their academic performance. The most percentage frequency in highest academic performance between clubs is board members of resident college. The academic performance of students is better particularly when they put high commitment onto club activities. From t-test is no significant different in terms of academic performances between executive and non-executive student. In conclusion, the involvement of executive students in the club not influences their academic performance.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	1.1 PENDAHULUAN	1
	1.2 Latar Belakang	3
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Hipotesis Kajian	8
	1.7 Kerangka Konsep	9

1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Skop Kajian	11
1.10	Batasan Kajian	11
1.11	Definisi Istilah	12
1.12	Kesimpulan	14

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	16
2.2.1	Sistem Akademik	16
2.2.2	Sistem Penilai	17
2.3	Pencapaian Akademik	19
2.4	Kategori Persatuan/Kelab	20
2.4.1	Kelab Akademik atau Mata Pelajaran	22
2.4.2	Persatuan/Kelab Bebas	22
2.4.3	Kelab Agama	23
2.4.4	Ahli Jawatankuasa Kolej Kediaman	23
2.4.5	Pasukan Badan Beruniform	24
2.5	Jawatan Tertinggi	25
2.6	Faktor	26
2.6.1	Minat	27
2.6.2	Pengaruh Rakan Sebaya	28
2.6.3	Sokongan	29
2.7	Komitmen	30
2.8	Kajian Lepas	32
2.9	Kesimpulan	34

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Reka Bentuk Kajian	36
3.2	Pensampelan Kajian	37

3.3	Responden dan Sumber Data	39
3.4	Instrumen Kajian	40
3.5	Kajian Rintis	41
3.6	Dapatan Kajian Rintis	43
3.7	Kebolehpercayaan	44
3.8	Kerangka Operasi	44
3.9	Penganalisan Data	46
3.10	Andaian Kajian	50
3.11	Kesimpulan	50

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	51
4.2	Dapatan Kajian Dari Borang Soal Selidik	52
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	52
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Tahap dan Tahun Pengajian	53
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Kelab/Persatuan	54
4.2.4	Tahap Pencapaian Pelajar	55
4.3	Analisis Min bagi Item Komitmen Pelajar yang Menjawat Jawatan Tertinggi Terhadap Akademik	57
4.4	Analisis Min bagi Item Komitmen Pelajar yang Menjawat Jawatan Tertinggi Terhadap Kelab	60
4.4.1	Persoalan Kajian Pertama	63
4.4.2	Persoalan Kajian Kedua	67
4.4.3	Persoalan Kajian Ketiga	69
4.4.4	Persoalan Kajian Keempat	72
4.4.5	Persoalan Kajian Kelima	74

BAB V	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	76
5.1	Pengenalan	76
5.2	Perbincangan	77
5.2.1	Latar Belakang Responden	77
5.2.2	Faktor-Faktor Pelajar Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Kelab	78
5.2.3	Hubungan Komitmen Pelajar yang Menjawat Jawatan Tertinggi Terhadap Kelab/Persatuan Dengan Pencapaian Akademik.	80
5.2.4	Pola Perbezaan Antara Pencapaian Akademik Pelajar yang Menjawat Jawatan Tertinggi Dalam Setiap Kategori Kelab/Persatuan	81
5.2.5	Pola Hubungan Antara Komitmen Pelajar Yang Menjawat Jawatan Tertinggi Terhadap Kelab Dan Akademik Dengan Pencapaian Akademik	84
5.2.6	Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar yang Manjawat Jawatan Tertinggi Dengan Pelajar yang Tidak Menjawat Jawatan Dalam Kelab/Persatuan	86
5.3	Cadangan	87
5.3.1	Cadangan Kepada Pelajar	88
5.3.2	Cadangan Kepada Falkulti	89
5.4	Rumusan	89
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	90
5.6	Penutup	90
	BIBLOGRAFI	91
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Sistem Penilaian Yang Digunakan di Universiti	18
3.1	Jadual Penentuan Saiz Untuk Aktiviti Penyedidikan	37
3.2	Interprestasi Skor Alpha Cranbach	42
3.3	Jenis Analisis Yang Akan Digunakan Berdasarkan Persoalan Kajian.	47
3.4	Skala Pemingkatan Likert (Bahagian B dan C)	48
3.5	Kategori Tahap Pencapaian Akademik Pelajar di Peringkat Universiti	48
3.6	Tahap Kecenderungan Min	49
3.7	Garis Panduan Tafsiran Pekali Korelasi	49
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	53
4.2	Taburan Responden Mengikut Tahap Pengajian dan Tahun Pengajian	54
4.3	Taburan Responden Mengikut Kelab/Persatuan	55
4.4	Pencapaian Responden Mengikut Purata Mata Nilai Gred	56
4.5	Analisis Min Bagi Item Komitmen Pelajar Terhadap Akademik	59
4.6	Analisis Min Bagi Item Komitmen Pelajar Terhadap Kelab	62

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.7	Faktor Minat	64
4.8	Faktor Rakan Sebaya	65
4.9	Faktor Sokongan	66
4.10	Jadual Kolerasi Pearson Bagi Item Komitmen dengan Pencapaian Akademik	68
4.11	Crosstabulation Pola Pencapaian Akademik Responden Antara Kelab/Persatuan.	70
4.12	Analisis Pola Hubungan antara komitmen pelajar terhadap akademik dan kelab/persatuan dengan pencapaian akademik	72
4.13	Bilangan dan Purata Pencapaian Akademik Pelajar Yang Menjawab Dan Tidak Menjawab Jawatan Tertinggi Dalam Kelab.	74
4.14	Perbezaan Pencapaian Akademik di Antara Pelajar yang Menjawab Jawatan Tertinggi dengan Pelajar yang Tidak Menjawab Jawatan Tertinggi.	75

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	9
2.1	Priramid komitmen Basuh Baju	31
3.1	Kerangka Kerja Operasi	45

SENARAI SINGKATAN



CAD	-	<i>Computer Aided Design</i>
CGPA	-	Purata Nilai Gred Keseluruhan
GPA	-	Purata Himpunan Mata Nilai
HEP	-	Hal Ehwal Pelajar
MPP	-	Majlis Perwakilan Pelajar
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IT	-	<i>Information Technology</i>
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PALAPES	-	Pasukan Latihan Pegawai Simpanan
PEMADAM	-	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
SUKSIS	-	Sukarelawan Polis
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Soal Selidik
B	Keputusan Borang Pengesahan
C	Keputusan Analisis Kesahan Soal Selidik
D	Keputusan Analisis Data Kajian Sebenar



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kemasukan pelajar yang semakin meningkat ke universiti menunjukkan negara telah bersedia untuk menjadi sebuah negara maju. Namun begitu keputusan pelajar yang kurang memberangsangkan telah menjadi satu persoalan yang sangat sukar dirungkai. Kadangkala pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah rendah tidak mampu cemerlang di peringkat sekolah menengah. Manakala pelajar yang cemerlang di sekolah menengah pula tidak cemerlang di peringkat universiti. Secara umumnya terdapat terlalu banyak pemboleh ubah yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar.

Menurut Lee Wee Lim (2006) kecemerlangan akademik adalah matlamat utama pelajar yang menjejakkan kaki ke menara gading. Kecemerlangan akademik juga akan menjamin masa depan yang cerah dalam bidang yang bakal diceburi apabila menamatkan pengajian. Kecemerlangan akademik juga menjadi modal insan yang

penting kepada pelajar. Walau bagaimanapun, kecemerlangan akademik semata-mata sahaja tidak mencukupi untuk menyaingi cabaran dan menempuhi era globalisasi yang memerlukan daya saing dan pementapan sendiri. Sebelum memasuki masyarakat, mahasiswa harus dilengkapi pelbagai kemahiran selain kecemerlangan akademik. Mereka harus tahu cara untuk memimpin, cara berkomunikasi dengan baik, bersosial dan bergaul dengan masyarakat. Pelajar juga perlu ada keterampilan diri yang dilengkapi dengan sahsiah yang unggul.

Sehubungan dengan itu, pihak universiti telah membentuk jawatan mahasiswa di setiap kolej, kelab-kelab peringkat kolej dan universiti dengan matlamat mahasiswa akan menyertai dan mengembangkan bakat kepimpinan selain mempelajari sesuatu yang baru yang tidak dapat diperoleh melalui sesi pembelajaran di bilik kuliah mahupun nota kuliah universiti.

Menurut Zulzilla Dzulkefli (1998), kegiatan persatuan/kelab dan badan beruniform berperanan untuk mendisiplinkan pelajar, menitikberatkan tanggungjawab dan kecekapan tugas harian yang dilakukan. Contohnya Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) merupakan pasukan bercorak ilmu dan pembelajaran juga terselit unsur-unsur keseronokan serta imaginasi pelajar. PALAPES juga menjalankan aktiviti yang mencabar minda dan ketahanan diri serta melibatkan mental dan fizikal.

Tambahan pula, Wee Eng Hoe (1994), menyatakan penyertaan pelajar sebagai generasi muda dan rakyat di negara ini dalam pasukan pakaian seragam, persatuan dan sukan dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan dan integrasi nasional. Hal ini kerana hampir kesemua persatuan yang terdapat di sekolah disertai dan terbuka keahliannya kepada pelbagai bangsa, kaum dan lapisan masyarakat. Interaksi sosial yang berlaku secara tidak langsung dan langsung semasa pelaksanaan aktiviti persatuan tersebut dapat menyemai nilai-nilai murni.

Namun ramai di dalam kalangan pelajar baik di sekolah mahu pun institusi tinggi pengajian kurang mempunyai kesedaran akan faedah yang diperolehi melalui penglibatan dalam kelab/persatuan. Menurut Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, beliau telah mendapati golongan belia tidak gemar berpersatuan, antara punca yang dinyatakan oleh beliau iaitu kerana program-program yang dilaksanakan terlalu banyak prosedur. Malah belia sendiri beranggapan berpersatuan sesuatu yang membuang masa, kerana perlu melalui pelbagai prosedur. Contohnya seperti pengisian berbagai jenis borang, menghadiri mesyuarat Agung dan seterusnya, menghadiri perjumpaan bersama ahli, penyediaan kertas kerja dan laporan untuk sesuatu aktiviti yang ingin diadakan terutama jika menjadi ahli jawatan tertinggi, mendapat sebulat suara dan sebagainya. Golongan belia juga beranggapan menyertai kursus-kursus dan seminar kerana perasaan psikologi mereka mengatakan ia sesuatu yang membosankan (Utusan Malaysia, 5 April 2004).

Oleh itu, masyarakat sewajarnya sedar aktiviti kelab juga membantu boleh mengurangkan masalah sosial. Ini dapat dibuktikan apabila remaja menyertai kegiatan luar kelas, mereka dapat melupakan masalah yang mereka hadapi dan berpeluang menyalurkan tekanan dengan cara yang betul serta berfaedah (Nik Amirul Izzat Suhaimi, 1996). Keadaan ini seterusnya dapat memotivasikan pelajar dan akan memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik (Ahmad, 2006).

1.2 Latar Belakang Masalah

Pencapaian akademik yang cemerlang serta mempunyai kemahiran generik merupakan matlamat yang dikejar oleh majoriti mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT). Persaingan mendapatkan pekerjaan menjadi salah satu faktor yang mendorong

pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kelab dan persatuan. Namun demikian, terdapat juga sebilangan pelajar yang terlalu aktif hingga menjejaskan pencapaian akademik mereka (Ngajikin *et al.* 2006).

Daripada kajian Nik Noordini, (2006) aktiviti kelab dan persatuan berbentuk akademik dan bukan akademik dilihat sebagai faktor utama pencapaian pelajar Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan pelajar bukan Melayu. Ini kerana terdapat di kalangan pelajar menjadikan keaktifannya dalam aktiviti-aktiviti bukan akademik sebagai alasan untuk menjustifikasikan sikapnya yang tidak bersungguh-sungguh demi mencapai kecemerlangan akademik. Mereka menyatakan masa yang diperuntukkan untuk mengulang kaji pelajaran kini dipenuhi dengan aktiviti persatuan (Dewan Masyarakat, Nov 1999). Keadaan ini memperlihatkan bahawa golongan pelajar kurang mempunyai kesedaran penggunaan masa dan menyalahkan aktiviti kelab/persatuan mengganggu pembelajaran sendiri mereka.

Dalam hasil kajian P. Iskandar (1990) beliau menyebut sebilangan besar pelajar mempunyai tanggapan bahawa gerak kerja kokurikulum mengganggu kerja akademik mereka. Beliau berpendapat besar kemungkinan para pelajar yang menghadapi kesukaran dalam bidang akademik akan merasakan gerak kerja kokurikulum mengganggu kemajuan dan penumpuan mereka dalam bidang pelajaran. Bagaimanapun, kajian tersebut tidak meliputi hubungan antara sikap pelajar terhadap aktiviti kokurikulum dengan peningkatan daya kepimpinan. Mereka yang beranggapan sedemikian, sememangnya dikatakan tidak dapat membahagikan masa dengan baik.

Sesetengah ibu bapa pula terlalu mementingkan pencapaian akademik tanpa memikirkan tanggungjawab dalam memberi pengalaman kepada anak-anak mereka dalam bidang kokurikulum (Mohd Sopian, 2002). Manakala pihak sekolah dan tenaga pelajar telah mengabaikan penglibatan pelajar dalam aktiviti persatuan/kelab kerana

pihak sekolah dan tenaga pengajar beranggapan bahawa kejayaan dalam akademik sahaja yang menjamin untuk masuk ke asrama penuh atau universiti (Utusan Malaysia, 5 April 2004). Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak mendapat galakan untuk bergiat aktif, malah mereka juga mempunyai pandangan yang negatif terhadap aktiviti luar yang dianjurkan pihak sekolah juga di institusi pengajian tinggi.

Daripada kajian lepas, pelajar yang aktif perlu pengurusan masa dengan baik melalui pembahagian waktu yang seimbang terhadap aktiviti kelab dan akademik. Ini telah dibuktikan oleh seorang pengkaji iaitu Ahmad *et. al* (2006), beliau mendapati bahawa 60% daripada pelajar yang cemerlang adalah mengulang kaji pelajaran lebih daripada 3 jam sehari. Manakala lebih kurang 50% daripada mereka yang mempunyai PNGK rendah iaitu PNGK 2.99 ke bawah hanya mengulang kaji pelajaran antara 1 jam sehingga 2 jam sehari atau kurang 1 jam sehari. Ini menunjukkan pengaruh penggunaan masa adalah penting. Pelajar yang terlalu aktif menyebabkan kurangnya komitmen terhadap akademik menjadi punca pengurangan jam pembelajaran sendiri mereka.

Berdasarkan kepada keadaan tersebut, pengkaji berminat untuk mengetahui kebenaran adakah pelajar yang memegang jawatan tertinggi akan mengakibatkan prestasi pelajar dalam akademik akan merosot. Sehubungan dengan itu, kecenderungan pelajar melibatkan diri dalam penglibatan persatuan/kelab dikaji kerana didapati matlamat berpersatuan mempengaruhi matlamat sebagai seorang pelajar.

1.3 **Penyataan Masalah**

Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang menyatakan bahawa pencapaian akademik pelajar akan terjejas jika menjawat jawatan tertinggi dalam aktiviti kelab/persatuan di institusi pengajian tinggi.

Secara keseluruhannya, pencapaian akademik pelajar-pelajar di universiti biasanya berada di tahap yang sederhana. Ini kerana, bilangan yang berjaya memperoleh Ijazah Kelas Pertama setiap tahun sangat rendah iaitu kurang daripada 10% daripada jumlah pelajar yang graduan setiap tahun. Dapatan kajian sebelum ini menyatakan pelajar Melayu lemah dalam akademik kerana terlalu terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti kelab/persatuan. Manakala tanggapan negatif daripada ibu bapa dan pengajar terhadap aktiviti luar kelas ini, yang mana mereka beranggapan bahawa kegiatan luar kelas boleh menjejaskan tumpuan anak-anak serta pelajar mereka dalam akademik dan seterusnya menjejaskan pencapaian akademik.

Justeru itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti hubungan pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dengan pencapaian akademik sama ada ianya mempengaruhi kecemerlangan atau sebaliknya semasa belajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

1.4 Objektif Kajian

- i. Menenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar yang menjawat jawatan tertinggi melibatkan diri dalam aktiviti kelab/persatuan.
- ii. Menenal pasti hubungan komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi terhadap kelab dengan pencapaian akademik.
- iii. Menenal pasti pola perbezaan antara pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dalam kategori kelab/persatuan.
- iv. Menenal pasti pola hubungan antara komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi terhadap kelab dan akademik dengan pencapaian akademik.
- v. Menenal pasti perbezaan pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dengan pelajar yang tidak menjawat jawatan tertinggi dalam kelab/persatuan.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar yang menjawat jawatan tertinggi melibatkan diri dalam aktiviti kelab/persatuan?
- ii. Sejauh manakah hubungan komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi terhadap kelab dengan pencapaian akademik?
- iii. Apakah pola perbezaan pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi di antara setiap kelab/persatuan?
- iv. Apakah pola hubungan antara komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi terhadap kelab dan akademik dengan pencapaian akademik?
- v. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dengan pelajar yang tidak menjawat sebarang jawatan dalam kelab/persatuan?

1.6 Hipotesis Kajian

Dalam konteks penyelidikan, hipotesis ialah jawapan ramalan kepada sesuatu soalan. Maka hipotesis ialah suatu saranan sementara berkaitan perhubungan di antara dua pemboleh ubah atau lebih melalui deduksi. Deduksi bererti menggunakan logik atau teori dengan pengumpulan data bagi mengujinya (Rohana, 2004). Oleh itu, berdasarkan kepada persoalan kajian, pengkaji telah membina satu hipotesis bagi menyatakan ramalan kepada permasalahan yang dikaji.

Hipotesis 1

H_0 : Tidak terdapat hubungan komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi terhadap kelab dengan pencapaian akademik.

H_1 : Terdapat hubungan komitmen pelajar yang menjawat jawatan tertinggi terhadap kelab dengan pencapaian akademik.


Hipotesis 2

H_0 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dengan pelajar yang tidak menjawat sebarang jawatan dalam kelab/persatuan.

H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dengan pelajar yang tidak menjawat sebarang jawatan dalam kelab/persatuan.

1.7 Kerangka Konsep Kajian.

Kajian ini dapat dilihat sebagai satu kajian yang mengkaji kemungkinan berlakunya hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji dalam menentukan faktor-faktor penglibatan pelajar aktif berpersatuan. Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas adalah terdiri daripada faktor penglibatan pelajar. Faktor penglibatan ini terdiri daripada tiga iaitu faktor minat, faktor rakan sebaya (Ngajikin, 2006) dan faktor sokongan (Saifullizam Puteh, 2006). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep yang akan digunakan untuk menyempurnakan kajian ini.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

Sebelum ini, ramai ibu bapa tidak memahami mesej atau matlamat sebenar bergiat dalam aktiviti kelab/persatuan yang telah diwujudkan sejak di bangku sekolah lagi. Anggapan buruk tentang keaktifan dalam kegiatan kelab/persatuan adalah suatu perkara yang merugikan dan membuang masa. Malah golongan pelajar juga beranggapan sedemikian. Oleh itu, diharapkan hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran sebenar kepada ibu bapa bahawa penglibatan anak-anak mereka dalam kelab/persatuan semasa sedang belajar sama ada di universiti mahupun di peringkat sekolah akan menjejaskan pelajaran ataupun tidak. Sekiranya ia tidak menjejaskan prestasi akademik, mereka seharusnya lebih menggalakkan anak-anak untuk terus bergiat aktif dalam kegiatan kelab/persatuan dan aktiviti rekreasi dan begitulah jika kajian ini menunjukkan keputusan yang sebaliknya. Sekiranya ia menjejaskan prestasi akademik, mereka seharusnya akan membahagikan masa dengan baik untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti kelab/persatuan.

Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan oleh pihak UTHM untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Selain itu kesedaran terhadap pelajar itu sendiri adalah penting, kebaikan dan keburukan jika terlalu obsesi terhadap aktiviti kelab. Oleh itu, pengurusan masa bagi seseorang pelajar menjawat jawatan tertinggi haruslah diterapkan dan seharusnya ada pada setiap pelajar yang aktif.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dan pelajar yang tidak menjawat jawatan tertinggi dalam persatuan/kelab belajar di UTHM pada semester II, sesi 06/07 dan merupakan pelajar yang terdiri daripada pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Kajian ini melibatkan pelajar yang menganggotai persatuan yang berasaskan akademik, bukan akademik, badan beruniform, agama dan kolej kediaman. Walaupun sukan disenaraikan dalam kokurikulum yang mana ianya terdiri daripada kelab, namun sukan tidak mempunyai jawatan tertinggi kerana ia dikawal oleh jurulatih dan juga dipantau oleh Majlis Perwakilan Pelajar yang menjawat sebagai ketua sukan. Selain itu, maklumat pencapaian akademik semester II pada sesi 06/07 terhadap pelajar yang menjawat jawatan tertinggi dan pelajar yang tidak menjawat jawatan tertinggi di UTHM digunakan. Manakala faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dalam menjawat jawatan tertinggi dalam persatuan/kelab diskopkan kepada tiga bahagian iaitu faktor minat, faktor rakan sebaya dan faktor sokongan.

1.10 Batasan Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji hanya melibatkan pelajar yang menjawat jawatan tertinggi di UTHM pada semester II, sesi 06/07 sahaja memandangkan kesukaran untuk pengkaji mendapatkan maklumat peribadi pelajar untuk dihubungi di universiti lain. Pengkaji menghadkan kepada persatuan/kelab bukan berasaskan akademik, berasaskan akademik, badan beruniform, kolej kediaman dan agama. Kajian ini hanya terhad kepada tiga faktor yang mempengaruhi pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti berpersatuan iaitu faktor sokongan, rakan sebaya dan minat.

BIBLIOGRAFI

Ab. Alim Abdul Rahim (1998). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd

Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad, A. dan Idrus, S. M. and A. Malik, N.N. N. and Murad, N.A. and Ngajikin, N. H. and M. Esa, M. R. (2006). *Pengaruh gaya hidup pelajar kejuruteraan di kolej kediaman UTM terhadap pencapaian akademik*. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.

Ahmad Fadzli Yusof, (2004). *Resipi Kejayaan untuk Pekerja Cemerlang*. PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd. Hlm 122-123.

Ahmad Mujahid Hamzah (2004). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Akademik Daerah Muar Memilih Mata Pelajaran Teknikal Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif*, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Arham Abdullah dan Mesir, Baharin and Mohamad, Ahmad Muhaimin (2006). *Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia*. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.

Baharin Mesir, Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani abd Aziz, Mohd Hidayat Jamal dan Muzaffar Zainal Abideen (2005). *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus*. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.

Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Asas Statistik Penyelidikan, Buku Dua*. Malaysia : McGraw Hill.

Dewan Masyarakat (Nov 1999). *Pencapaian Pelajar Melayu dalam Bidang Sains dan Teknologi di IPT: Kenyataan Pahit atau Mitos?* hlm. 12-15

Dewan Masyarakat (Nov 1999). *Harapan Bangsa dan Negara Kepada Pelajar Melayu*. hlm. 27-29

Edi Shahril Bin Kamal (2005) *Tekanan di Kalangan Pelajar Pengkhususan Ijazah Sarjana Muda di Kuittho*. UTHM : Tesis Sarjana

Ee. Ah Meng (1991). *Psikologi Perkembangan*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Fajar Sdn. Bhd.

Gauri A/P Birasamy (2005). *Keberkesanan Kursus Nilai Teras Ke Atas Komitmen Terhadap Organisasi di Kalangan Staf KUiTTHO*: Tesis Sarjana.

Ghazali Othman (2000). *Kesilapan Biasa Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Journal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Universiti Sains Malaysia. hlm. 33-50

- Hal Ehwal Pelajar : Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Dicapai pada 22 Mac 2007
<http://www.kukum.edu.my/eng/template02.asp?contentid=83&tt=4&parentid=81>
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejeie, R.V and Morgan, D.W (1970). *Determining Sample Size for Research, Educational and Psychological Measurement*. Vol. 30. hlm. 607-610.
- Leah. B. B dan Frank. C. Worrell (2005). *A Study of Academically Talented Students' Participation in Extracurricular Activities*. The Journal of Secondary Gifted Education. Vol XVI
- Lim, Lee Wee dan Buntat, Yahya (2006). *Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Aktiviti Kolej Dan Kesan Terhadap Pencapaian Akademik: Suatu Kajian Kes Di Kolej Tuanku Canselor (KTC), UTM Skudai*. In: National Student Development Conference (NASDEC), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Meer Zhar Farouk Bin Amir Razli, Muhammad Shukri Salleh dan Mohd Zahari Yusoff (2006). *Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Cemerlang di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi Semester Disember 2005-Mei 2006*. In: National Student Development Conference (NASDEC), Kuala Lumpur, Malaysia
- Mohd. Hilmei Bin Abdul Azif (2005). *Faktor yang Mempengaruhi Pelatih Mendapatkan Latihan di Pusat Latihan Giatmara Sri Gading Dan di Pusat Latihan Giatmara Batu Pahat*. UTHM : Tesis Sarjana.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Salleh dan Zaidatul (2001). *Pengenalan Kepada analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows*. Venton Publisng: Kuala Lumpur.
- Mohd Sopian Omar Fauzee dan Suriati Chek Pi (2002). *Kokurikulum Menjana Ke Arah Keseimbangan Pelajar*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. hlm 40-45.
- Muhammad Shukri Salleh (2005). *Kesan Aktiviti Kelab dan Persatuan Pelajar UTM ke Atas Pencapaian Akademik*. In: National Student Development Conference (NASDEC), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Shukri Salleh, Meer Zhar Farouk bin Amir Razli dan Mohd Zahari Yusoff. (2006). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik yang Rendah di Kalangan Mahasiswa/I Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi Semester Disember 2005 – Mei 2006*. In: National Student Development Conference (NASDEC), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nasir Abdullah (1985). *The Leadership Equation: Leader, Management, and the Myer-Briggs*. Eakin Press
- Ngajikin, N. H. and Esa, M. R. M. and Ahmad, A. and Idrus, S. M. and Malik, N.N. N. A. (2006) *Kesan aktiviti kelab dan persatuan pelajar UTM ke atas pencapaian akademik*. In: National Student Development Conference (NASDEC), Kuala Lumpur, Malaysia. Dicapai pada 7 March 2007 (3.00pm)
Di http://eprints.utm.my/144/2/NHNgajikin2006_Kesanaktivitikelabdanpersatuan.pdf
- Nik Noordini Nik Abdul Malik, Nor afizah Ngajikin, Anita Ahmad, Sevia M. Idrus dan noor Asniza Murad (2006). *Kesan Aktiviti Pelajar Terhadap Pencapaian Akademik: Pelajar Melayu Dan Bukan melayu Satu Perbandingan*.

Noraini Ahmad (1994). *Mengekalkan Daya Ingatan*. Berita Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Nor Akmar bin Awang (2006). *Hubungan dan Faktor-faktor Pencapaian Akademik Lepasa Matrikulasi di Universiti*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan.

Noraini Ahmad (1988). *Pengurusan Masa*. Berita Publishing. Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Norhamiza Mohd Nor (2005). *Sumabangan JERI Serta Kaitannya Dengan Kecemerlangan Akademik di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia : Tesis sarjana Pendidikan.

P. Iskandar bin Abdullah (1990). *Penglibatan Pelajar-Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan dan Hubungannya Dengan Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Peperiksaan di Sekolah Menengah Pulau Pinang*. Tesis Sarjana Muda Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

Panduan Dan Peraturan Kokurikulum Edisi Pertama (2005). Batu Pahat, Johor : Pejabat Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Penubuhan Badan Pelajar. Seksyen 49, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1975)

Peraturan Akademik UTHM (2005). Batu Pahat, Johor : Pejabat Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong, Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rohanida Ab. Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002). *Kepentingan Kokurikulum dalam Sistem Pendidikan*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. hlm 1-7

Saedah Siraj, Zainun Ishak dan Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996). *Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors SDn. Bhd.

Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor : Prentice hall Pearson Malaysia sdn. Bhd. hlm. 231-232

Saifullizam Puteh (2006). *Pengurusan Kokurikulum : Modul Pengajaran*. Unit Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Shahbuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd zohir ahmad (2003). *Pedagogi : Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Bentong, Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sumarni Dahrir dan Borhan Yusof (2002). *Matlamat Dan Implikasi Kokurikulum Terhadap Pelajar*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. hlm 14-24

Syarifah Alwiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan Konsep-Konsep Asas Psikologi dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur : Heinemann (M) Sdn. Bhd.

Syed Arabi Idid (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan sains Sosial*. Hulu Kelang, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Uma Sakaran (1984). *Research Method For Business A Skill Building Approach*. New York : John Wiley & Sons.

Utusan (5 April 2004) *8.2 Juta Belia Tidak Sertai Persatuan*.

Utusan Malaysia (19 Feb 2003). *Mencorakkan Belia Bertaraf Global*

Wee Eng Hoe, (1996). *Gerak Kerja Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Wiersma, W.(1997). *Research in Education : An Introduction*. Masshuchets : allyn & Bacon.

Worrell, Frank C. Bucknavage, Leah B.(2005) *Study of Accademically talented students' participant in extracurricular activities*. Journal of Secondary Gifted Education

Zakiah M.L. Pasukan Uniform Pupuk Displin. Dlm . Harian Metro, hlm 6,
12 November1999

Zulzila Dzulkefli. *Fokus* . Dewan Masyarakat, hlm 10-11. Ogos 1998

Zuraidah Abdul Rahman (1996). *Pembimbing Rakan Sebaya*. Selangor:IKBS buku
Sdn.Bhd.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH